


Rajah 3 : Peratus Tibi Di Kalangan Warga Asing, 1993 - 2005



Jadual 1 : Kes-Kes Tibi Di Malaysia Tahun 2005

Bil.	Perkara	Jumlah
1	Bilangan Kes Tibi Baru Dikesan	15,991
2	Bilangan Kes Tibi Baru Positif	9,001
3	Bilangan Kes Tibi Dengan HIV Positif	1,468
4	Bilangan Kes Tibi Baru Di Kalangan Warga Asing	1,766
5	Bilangan Kes Kematian Di Kalangan Pesakit Tibi	1,437
6	Bilangan Kes Tibi Baru Di Kalangan Kanak-Kanak	457


KADAR NOTIFIKASI (per 100,000 penduduk), ASEAN, 1993 - 2003

WHO telah mengklasifikasikan negara-negara di dunia kepada tiga kategori iaitu negara yang mempunyai Beban Tibi yang Tinggi (High Burden Countries), Beban Tibi yang Sederhana (Intermediate Burden Countries) dan Beban Tibi yang Rendah (Low Burden Countries) berdasarkan kadar insiden penyakit Tibi per 100,000 penduduk. Malaysia telah dikategorikan sebagai negara yang mempunyai Beban Tibi yang Sederhana. Negara-negara ASEAN yang mempunyai Beban Tibi yang Tinggi ialah Cambodia, Filipina, Vietnam, Indonesia, Myanmar dan Thailand.

	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003
Brunei Darussalam	57	-	-	-	51	-	83	92	63	66	58
Cambodia	123	136	127	126	129	136	15	144	142	178	199
Lao PDR	47	25	18	30	39	43	47	42	45	47	49
MALAYSIA	64	59	58	61	63	64	66	65	63	60	64
Filipina	272	269	174	237	274	223	196	158	139	151	168
Singapura	56	50	54	54	53	56	46	43	37	36	38
Viet Nam	75	72	77	101	104	115	115	115	115	118	114
Indonesia	33	26	18	12	11	20	33	40	43	71	81
Myanmar	45	36	41	50	38	32	42	65	89	117	153
Thailand	88	84	79	68	51	27	49	56	81	80	87

Laman Web Yang Berkaitan :

- www.moh.gov.my : Kementerian Kesihatan Malaysia
- www.maptb.org.my : Persatuan Bagi mencegah Penyakit Tibi Malaysia
- www.stoptb.org : Stop TB Partnership - WHO Geneva
- www.iatld.org : International Union Against TB and Lung Disease
- www.who.int : WHO Geneva, Switzerland
- www.cdc.gov : CDC - Centers for Disease Control and Prevention, Atlanta
- www.un.org : United Nations, NY USA



Hari Tibi Sedunia 2006

Hari Tibi Sedunia disambut pada 24 Mac setiap tahun sempena penemuan pertama kuman Tibi (*Mycobacterium Tuberculosis*) oleh Dr. Robert Koch pada 24 Mac 1882. Walaupun Tibi merupakan salah satu penyakit yang tertua di dunia, namun sehingga hari ini ia masih menjadi masalah kesihatan awam yang utama termasuk di Malaysia. Oleh yang demikian, sambutan Hari Tibi Sedunia diharap dapat memberi peringatan kepada segenap lapisan masyarakat agar terus berwaspada tentang penyakit yang berjangkit ini dan seterusnya memperkukuhkan iltizam dan komitmen dalam menangani isu-isu yang berkaitan.

Tindakan Sepanjang Hayat - Ke Arah Dunia Bebas Tibi

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memilih '*Actions For Life - Towards A World Free of Tuberculosis*' (Tindakan Sepanjang Hayat - Ke Arah Dunia Bebas Tibi) sebagai tema Sambutan Hari Tibi Sedunia pada tahun ini.

Objektif

Matlamat utama Hari Tibi Sedunia 2006 adalah untuk menggerakkan sokongan bagi membanteras penularan penyakit Tibi. Dengan adanya penglibatan komuniti, peningkatan kesedaran tentang penyakit Tibi di kalangan masyarakat, memberi galakan kepada kerajaan dan swasta untuk melabur dalam program kawalan Tibi serta komitmen yang tinggi dan berterusan, kita akan dapat memastikan penyakit Tibi mendapat tempat dan perhatian yang sewajarnya dalam agenda global seterusnya dieliminasi menjelang tahun 2050.


Bagi memangkin tindakan sosial dan politik dalam mengawal penularan penyakit Tibi di seluruh dunia, Hari Tibi Sedunia 2006 bermatlamat untuk:

- Mengukuhkan penglibatan dan komitmen agensi kerajaan dan swasta
- Mempromosikan kawalan dan penjagaan penyakit Tibi.
- Bertindak sebagai pendokong dan memberi peluang pembelajaran.
- Meningkatkan kesedaran, penglibatan dan sokongan masyarakat dalam membanteras penyakit Tibi.
- Meletakkan Tibi sebagai salah satu agenda penting di peringkat antarabangsa.

Situasi Tibi Di Malaysia


Pada tahun 2005, sebanyak 15,991 kes Tibi dengan kadar insiden 61.2 per 100,000 penduduk telah dilaporkan berbanding 15,429 kes dengan kadar insiden 60.3 per 100,000 penduduk pada tahun 2004. Kes yang dilaporkan pada tahun 2005 meningkat berbanding tahun sebelumnya. Sehingga kini, Tibi masih menjadi kebimbangan awam dan perlu terus diberi perhatian. Dari jumlah 15,991 kes Tibi yang dilaporkan pada tahun 2005, 9,001 kes (56.3%) adalah Tibi calitan (smear) positif dan 1,052 kes (6.6%) merupakan kes berulang.

Rajah 1 : Kadar Insiden Penyakit Tibi Di Malaysia 1985-2005



Penyakit Tibi berhubungkait rapat dengan penyakit HIV/AIDS dimana sistem ketahanan badan menjadi kurang dan ini memudahkan jangkitan penyakit Tibi. Oleh kerana terdapat peningkatan jumlah pengidap HIV, dengan itu secara tidak langsung bilangan pesakit Tibi juga meningkat. Program saringan HIV di kalangan pesakit Tibi mula diperkenalkan pada tahun 1990. Sejak itu, kes-kes TB/HIV didapati meningkat dari tahun ke setahun. Pada tahun 2005, bilangan kes Tibi di kalangan pengidap HIV/AIDS adalah seramai 1,261 orang. Manakala sejumlah 14,730 pesakit Tibi lain yang tidak diketahui status HIV semasa didiagnosa Tibi pula telah dibuat ujian saringan HIV. Dari jumlah tersebut 207 pesakit didapati HIV positif. Ini menjadikan jumlah penghidap TB/HIV adalah seramai 1,468 orang (9.2%) dari keseluruhan jumlah kes Tibi yang dilaporkan.

Rajah 2 : Kes-kes Tibi/HIV & Kematian, Malaysia 1990 - 2005



Sebanyak 1,766 (11.0%) daripada kes Tibi yang dilaporkan di Malaysia pada tahun 2005 adalah daripada kalangan warga asing. Saban tahun negara kita menerima kebanjiran pekerja-pekerja dari negara luar termasuk negara yang diklasifikasikan oleh WHO sebagai mempunyai beban Tibi yang tinggi seperti Indonesia dan Filipina. Justeru itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menetapkan bahawa saringan kesihatan secara mandatori hendaklah dibuat ke atas pekerja-pekerja asing yang ingin memohon permit kerja di Malaysia melalui saringan FOMEMA.